

27 OCT 1996
Jackson-koncert
JACKO CATAT SEJARAH DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Michael Jackson akhirnya mencatat sejarah!

Selepas melalui keributan mengenai konsertnya di sini, Michael Jackson, superstar bergelar jutawan itu membuktikan dia adalah penyanyi terunggul di dunia dengan menunjukkan persembahan yang mengagumkan selama dua jam di hadapan kira-kira 40,000 peminatnya.

Beribu-ribu peminat mula membanjiri Stadium Merdeka seawal 4 petang tadi untuk melihat dari dekat Raja Pop itu yang kedatangannya ke sini dipenuhi dengan kontroversi.

Tetapi ia sedikitpun tidak mematahkan semangatnya untuk memberikan persembahannya yang menghiburkan di hadapan penonton termasuk Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan kerabat diraja serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Jacko yang mengenakan pakaian berwarna keemas-emasan memeranjatkan penonton apabila datang ke pentas dengan menaiki sebuah "kapal angkasa" pada 9 malam.

Beliau memulakan persembahan dengan menyanyi lagu "Scream" dan diikuti oleh "They Don't Care About Us".

Kontroversi konsert Jackson bermula apabila Majlis Perbandaran Shah Alam dan kerajaan Selangor tidak memberikan kebenaran kepada pihak penganjur untuk mengadakan konsert itu di Stadium Shah Alam Stadium dengan alasan ia akan mendedahkan remaja kepada gejala sosial.

Bagaimanapun Kabinet tidak membantah konsert itu diadakan. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata konsert serupa itu pada masa depan bergantung kepada tingkah-laku peminat dan penonton yang menyaksikan konsert Jackson malam ini.

Dan nampaknya konsert malam ini bukan yang terakhir bagi peminat Malaysia kerana didapati mereka berkelakuan baik dan pihak penganjur sering kali mengingatkan penonton agar memelihara kesopanan masing-masing.

Polis termasuk anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dan pengawal keselamatan ditugaskan untuk mengawal keadaan.

Persembahan malam ini merupakan sebahagian daripada konsert jelajah dunia HISTORY Jackson 1996.

Jackson akan membuat persembahan sekali lagi Selasa ini. -- BERNAMA
WE OBA